

## **PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**


Bab pendahuluan ini memberikan gambaran asas dan menyeluruh tentang kajian ini dari segi konsep, hala tuju dan kepentingannya dalam bidang akademik dan pembangunan umat Islam. Dalam bab ini, beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian ini akan diperjelaskan iaitu latar belakang kajian, masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan literatur dan metodologi kajian. Dengan itu, diharapkan melalui bab pendahuluan ini penulis dapat memperkenalkan tajuk kajian dan metodologi penyelidikannya secara jelas dan menyeluruh.

### **Latarbelakang Kajian**

Menurut Islam, perkahwinan adalah suatu ibadat dan sunnah Rasulullah SAW yang merupakan pelaksanaan terhadap tuntutan fitrah manusia. Ia juga merupakan suatu sunnah Rasulullah SAW bagi meneruskan dakwahnya mengatasi masalah sosial dalam masyarakat, mewujudkan perpaduan di kalangan umat Islam untuk melahirkan generasi yang soleh.

Orang yang berkahwin akan dapat mengatur suatu kehidupan yang baik, sempurna dan penuh bertanggungjawab. Mereka ini adalah golongan yang berjaya melaksanakan amanah yang diberi, iaitu sebagai khalifah Allah yang mempertahankan peradaban dan tamadun manusia.

Allah S.W.T menjadikan manusia dengan fitrahnya yang ingin hidup berpasang-pasangan, berkasih-sayang, bahagia dan dapat memenuhi tuntutan syahwatnya melalui cara yang halal. Fitrah tersebut dapat dilaksanakan melalui ikatan perkahwinan yang sah. Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا  
رُؤُسَهُمْ وَجَعَلَ مِنْهَا أَزْوَاجًا كَثِيرًا وَنِسَاءً... 

Maksudnya: “Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak”.<sup>1</sup>

Sūrah al-Nisā'(4): 1

Dalam kehidupan manusia terdapat keluarga iaitu kumpulan yang paling rapat satu kelompok kecil dalam masyarakat. Keluarga terbina melalui proses perkahwinan, suatu sistem yang menyatukan satu kumpulan manusia daripada keluarga lain ke dalam satu keluarga yang baru dibentuk.

Menurut Islam, perkahwinan ialah suatu ikatan yang qudus dan paduan yang erat bukan sahaja di antara suami dengan isteri malahan antara semua anggota keluarga terlibat. Selain mempereratkan hubungan, perkahwinan juga memberi ruang kepada suami dan isteri yang baru berkahwin mempraktikkan segala ajaran yang mereka terima daripada ibubapa, masyarakat dan institusi-institusi yang pernah mereka masuki sebelum ini. Malahan ia juga merupakan proses transisi hidup masyarakat remaja kepada dewasa. Oleh itu, dalam sistem aqadnya, setiap perkahwinan mestilah melibatkan wali dan dua orang saksi selain bakal suami dan isteri.

<sup>1</sup> Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam kajian ini berdasarkan kepada: *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Edisi ke 9, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1998)

Wali, sifatnya ialah sebagai waris kepada wanita yang hendak berkahwin. Sebagai waris, wali berhak dan bertanggungjawab mendapat maklumat yang penuh tentang diri lelaki yang hendak membuat hubungan dengan pihaknya. Dia juga berhak mendapat jaminan tentang keselamatan dan kebahagiaan anak gadisnya atau orang yang di bawah jagaannya sebelum diserahkan kepada orang lain untuk menjaganya.

Usaha membina keluarga perlu melalui proses yang ditentukan oleh hukum syarak. Majlis pertunangan dan perkahwinan yang sederhana adalah langkah-langkah yang murni yang dikehendaki oleh Islam. Oleh sebab itu, perkahwinan juga merupakan satu langkah awal dalam usaha mensosialkan individu dalam sesebuah keluarga, maka satu sistem akad juga memerlukan dua orang saksi. Saksi-saksi adalah wakil masyarakat. Mereka terlibat kerana keluarga baru yang hendak dibina itu salah satu unit masyarakat atau sel masyarakat. Dengan itu, membina keluarga bererti membina masyarakat. Supaya sistem ini kukuh dan terpelihara, Rasulullah SAW pernah menyatakan bahawa:

لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيِّ عَدْلٍ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ وَمَا كَانَ مِنْ نِكَاحٍ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بَاطِلٌ<sup>2</sup>

Maksudnya : “Nikah itu hanyalah dengan seorang wali dan dua saksi yang adil. Sebarang perkahwinan selain yang demikian itu, nikah tersebut adalah batal”.

Oleh itu, konsep perkahwinan perlu diketahui dan difahami dengan jelas sebelum seseorang itu mendirikan rumahtangga sepertimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T.

---

<sup>2</sup> Ibn Hibbān: *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān* Ḥadīth `Aisyah, no. ḥadīth 4063. Ia telah menyebut: Tidak sah pada menyebut 2 saksi selain khabar ini. Al-Baihaqi: *Sunan al-Kubrā*, no. ḥadīth 1257, al-Daryuṭnī dalam sunannya no. ḥadīth 226/3, *Sunan Ibn Mājah* no. ḥadīth 1880, *Fatḥ al-Bārī* no. ḥadīth 9/184

Lantaran itu, menjadi tanggungjawab para ulamak untuk memperjelaskan kepada masyarakat tentang konsep perkahwinan ini supaya mereka sensitif terhadap matlamat perkahwinan itu dilaksanakan. Al-Qur'an al-Karim pula telah menyebut secara jelas tentang matlamat perkahwinan itu sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya : *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.*

Sūrah al-Rūm (30): 21

Kajian ini akan memfokuskan kepada konsep perkahwinan seorang ulamak di Nusantara iaitu Syeikh Daud bin Abdullah dalam kitabnya *Īdāh al-Albāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*. Nama Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani tidak asing di rantau ini. Melihat kepada jumlah karya beliau yang banyak dan besar pengaruhnya, maka orangnya juga sudah tentu hebat dari segi keilmuan dan akhlaknya serta menjangkaui bilangan karya yang telah dihasilkannya. Pengaruh keilmuannya yang besar itu menjadikan namanya terus segar dalam ingatan masyarakat Melayu khususnya kepada para pengkaji dan pelajar kitab jawi.

Bertitik tolak kepada situasi ini, maka satu pendekatan baru perlu diusahakan agar kesinambungan ilmu serta pengajaran Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani dapat diteruskan dalam bentuk yang lebih mudah dan efisien, lebih-lebih lagi kepada generasi baru di zaman ini yang semakin renggang dengan hasil karya klasik.

## Pengertian Tajuk

Kajian ini akan membincangkan “**KONSEP PERKAHWINAN MENGIKUT SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATĀNĪ DALAM KITAB *ĪDĀH AL-ALBĀB*”.**

Syeikh Daud al-Fatani merupakan salah seorang tokoh yang lahir pada awal kurun ke 18M dan juga seorang tokoh yang memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di Nusantara. Beliau meninggalkan banyak karya yang sangat bernilai.<sup>3</sup>

Sebelum dijelaskan pengertian tajuk ini, dua perkataan yang digunakan dalam pembinaan tajuk ini iaitu “konsep” dan “perkahwinan” perlu diterangkan dan dinyatakan dengan jelas.

“Konsep” dari segi etimologi, diambil daripada perkataan bahasa Inggeris “*concept*”.<sup>4</sup> Di dalam *Kamus Dewan*, ia membawa maksud pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu atau pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan, idea.<sup>5</sup>

Manakala “perkahwinan” pula adalah berasal daripada perkataan kahwin. Di dalam *Kamus Dewan*, ia bermaksud perikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan menjadi suami isteri, nikah. Perkahwinan pula membawa maksud perihal berkahwin, pernikahan.<sup>6</sup>

Berdasarkan huraian pengertian tersebut, dapatlah difahami bahawa kajian ini akan membincangkan tentang pandangan pemikiran dan idea Syeikh Daud terhadap

---

<sup>3</sup> Lihat biodata dan sejarah hidup Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī dalam Bab Pertama

<sup>4</sup> Hawkins, Joyce. M (2008), *Kamus Dwibahasa Edisi Keempat*, Shah Alam: Oxford Fajar, h.78

<sup>5</sup> Noresah Baharom et. al (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, c.3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.816.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h.654

perkahwinan berdasarkan kitab karangan beliau iaitu *Īdāh al-Albāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*.

### **Masalah Kajian**

Kitab-kitab perundangan Islam dalam bahasa Melayu/Indonesia yang dikarang oleh ulamak-ulamak silam di Nusantara ini umumnya masih lagi terdapat dalam bentuk yang lama. Ia terus dicetak dari masa ke semasa dalam format penulisan klasik tanpa mengikut format penulisan moden. Ayat-ayatnya tidak berperenggan, tidak dipisah di antara ayat pernyataan dari ayat mulaan. Mungkin juga ayat-ayat ulasan sama sekali tidak diberi tajuk.<sup>7</sup>

Dalam masa yang sama masih terdapat banyak lagi naskhah-naskhah karangan para ulamak tersebut yang bertulisan tangan dan belum dikeluarkan dalam bentuk penerbitan moden. Ia masih disimpan di muzium-muzium, arkib-arkib, perpustakaan-perpustakaan dan simpanan milik peribadi sama ada di dalam ataupun di luar negara. Kalau dilihat dari sudut gaya bahasa dan istilah-istilah yang terdapat dalam kitab tersebut pula, ia menggunakan gaya bahasa klasik yang kadang-kadang sukar difahami dan istilah-istilah yang adakalanya sudah tidak digunakan lagi pada waktu ini. Perkataan-perkataan juga kadangkalanya tidak bertanda sebagaimana yang terdapat pada kaedah penulisan moden masa kini.<sup>8</sup>

Kitab "*Īdāh al-Albāb*" ini digunakan dengan meluas pada suatu ketika dulu terutamanya di kalangan penadah-penadah kitab jawi di masjid-masjid, surau-surau, sama ada untuk menambahkan pengetahuan agama atau sebagai rujukan utama bag

---

<sup>7</sup> Mat Saad bin Abdul Rahman (1997), *Tahqīq Manuskrip Arab Melayu*, dalam Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 274

<sup>8</sup> *Ibid*

imendalami masalah untuk mendirikan rumahtangga.<sup>9</sup> Kitab ini juga masih popular digunakan dalam pengajian pondok terutama di negeri Kelantan seperti pondok Pasir Tumbuh, pondok Yaakob Samba Padang Pak Amat dan pondok Seligi. Di samping itu juga terdapat guru-guru takmir masjid di negeri Kelantan yang menggunakan kitab ini dalam kuliah-kuliah mereka. Sebagai contoh, rakan penulis Ustaz Wan Ibrahim B. Wan Mamat, menggunakan kitab ini dalam pengajarannya di masjid Khurasani, Kg. Sireh. Begitu juga guru penulis sendiri Ustaz Hj. Ibrahim Abd Wahab, yang menggunakan kitab ini di masjid-masjid dalam daerah Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan. Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah dirumuskan beberapa permasalahan yang mendorong pengkaji untuk mengkaji kitab *Īdāh al-Albāb* adalah seperti berikut:

1. Kandungan kitab *Īdāh al-Albāb* ini mencakupi topik-topik yang berkaitan dengan perkahwinan, atau dengan kata lain ia dianggap sempurna dari segi isi, huraian dan perbincangan mengenai perkahwinan. Kebanyakan istilah bahasa Arab dalam kitab ini tidak dijelaskan.
2. Perbahasannya yang menfokuskan kepada persoalan perkahwinan sahaja menjadikannya tidak terlalu panjang dan berat untuk dipelajari. Ini membolehkan pengajiannya dapat ditamatkan dalam masa yang singkat.

Kitab "*Īdāh al-Albāb*" masih dikenali dan dipelajari di dalam pengajian di pondok-pondok dan masjid-masjid Nusantara ini terutamanya di Patani dan Kelantan. Oleh itu, kajian yang mendalam terhadap kandungan dan data-data (terutamanya pandangan fuqaha dan ulamak Hadith) perlu dilakukan dan dikenalpasti agar kitab ini terus dihargai dan dijadikan rujukan generasi hari ini.

---

<sup>9</sup> Abu Hassan Sham (1991), *Pengaruh Karya-karya Syeikh Daud Dalam Sastera Melayu*, Kertas kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulamak) Peringkat Kebangsaan Kali Ke 4 di Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur 17-19 Disember 1991, h.

## **Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, objektif kajian ini adalah :

- a) Menjelaskan secara ringkas biodata Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani.
- b) Menganalisa konsep perkahwinan mengikut Syeikh Daud al-Fatani
- c) Menghuraikan metode perbahasan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani dalam kitab *Īdāh al-AlbābLi Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*.

## **Kepentingan Kajian**

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingannya yang tersendiri, sama ada kepada individu, masyarakat atau pun aspek-aspek yang tertentu. Syeikh Daud merupakan seorang tokoh terkenal yang banyak mempengaruhi pertumbuhan pemikiran Islam. Pemikiran dan sumbangannya itu dianalisis dan diseminarkan di Patani dan di Malaysia oleh tokoh ilmu Islam dan barat. Misalnya, seminar mengenai Syeikh Daud pernah diadakan di Dewan Mukhtar Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, Kuala Lumpur pada 11-13 Jamadil Akhir 1412H bersamaan 17-19 Disember 1991M yang bertajuk Nahdah Ilmiah Tokoh Ulamak peringkat Kebangsaan Kali Keempat (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani). Beberapa kertas kerja dibentangkan, antaranya ialah bertajuk: “As Syeikh Daud al-Fatani dan Isu-isu Semasa (w.1265H/1847M)”. Kertas kerja ini dibentangkan oleh Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, pensyarah Akademi Islam Universiti Malaya. Satu lagi kertas kerja yang dibentangkan oleh Tuan Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah yang bertajuk : Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Kepada Pengajian Fiqh Syāfi’ī di Nusantara. Seminar di Pusat Islam Malaysia ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademi Islam Universiti Malaya.



Berdasarkan fakta dibincangkan di atas, kajian untuk memahami konsep perkahwinan ini menurut Syeikh Daud adalah penting dihuraikan atau diolah dengan lebih mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat mengenai konsep tersebut.

Kajian ini juga dapat memelihara tradisi pengajian kitab lama kepada generasi baru supaya mereka dapat mempelajari dan memahaminya dengan pelbagai bentuk tulisan sama ada berbentuk tulisan Jawi atau Rumi. Ia juga dapat menyumbangkan kesinambungan perkembangan ilmu tersebut dalam dunia akademik bagi memastikan masyarakat tidak melupakan jasa tokoh ilmuan Islam yang terdahulu.

Oleh itu, penulis menampilkan ketokohan Syeikh Daud dengan mengenengahkan sumbangan beliau dalam konsep perkahwinan ini.

### **Skop Kajian**

Kajian ini akan cuba melihat perbincangan-perbincangan yang telah dilakukan oleh Syeikh Daud al-Fatani terhadap perkahwinan. Kajian ini berkisar tentang konsep perkahwinan mengikut Syeikh Daud al-Fatani berdasarkan kitabnya *Īdāh al-Albāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb* yang membicarakan mengenai perkahwinan dalam Islam.

Kitab *Īdāh al-Albāb* cetakan al-Ma'ārif Sdn. Bhd, Pulau Pinang merupakan sumber utama kajian ini kerana cetakan tersebut hurufnya lebih jelas berbanding dengan manuskrip. Memandangkan kitab tersebut dianggap sebagai kitab utama dan perbincangannya bersifat syumul, maka kajian ini hanya terbatas setakat rukun-rukun nikah sahaja. Untuk melengkapkan kajian ini, penulis menghuraikan isi kandungannya

yang merangkumi kelebihan / fadilat perkahwinan, bab pertunangan dan peminangan, walimatul urus, rukun-rukun nikah dan yang bersangkutan dengannya dan sebagainya.

## Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas mengenai tajuk disertasi ini dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama tentang biografi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang terdapat dalam pelbagai sumber. Antaranya ensklopedia, buku-buku bibliografi ulamak Nusantara dan kategori kedua mengenai penulisan-penulisan Syeikh Daud. Antara kajian-kajian yang berkaitan dengan Syeikh Daud al-Fatani ialah:

- 1) *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara* oleh Wan Mohd Shaghir bin Abdullah.<sup>10</sup> Buku ini mengutarakan sejarah hidup dan latar belakang Syeikh Daud iaitu kelahiran, pendidikan, karya-karya dan dinyatakan juga guru-guru serta murid-muridnya. Ia juga menyatakan sanad tarekat *Shattāriyyah* yang dipegang dan diamalkan oleh Syeikh Daud serta wirid-wiridnya. Pengarang buku ini mengenengahkan Syeikh Daud sebagai seorang penulis prolific khususnya penulis dari kalangan ulamak Melayu. Buku ini secara keseluruhannya membuktikan bahawa Syeikh Daud adalah seorang ulamak yang alim dalam pelbagai bidang keilmuan. Hasilnya, Syeikh Daud dapat dilihat sebagai seorang yang berjaya mengembangkan ilmu di rantau Nusantara berdasarkan kepelbagaian disiplin ilmu yang telah dihasilkannya.
- 2) *Ḍiyā' al-Murīd Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Pedoman Zikir Menuju Ilāhi*, Wan Mohd Shaghir B. Abdullah.<sup>11</sup> Buku ini adalah sebuah buku yang ditansliterasi dari kitab *Ḍiyā' al-Murīd* karangan Syeikh Daud al-Fatani. Ia memfokuskan kepada pemikiran Syeikh Daud dan kandungannya dibahagikan

---

<sup>10</sup> Wan Mohd Shaghir (1990) "*Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara*. Shah Alam: Hizbi .

<sup>11</sup> Wan Mohd Shaghir (1996), *Ḍiyā' al-Murīd Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī: Pedoman Zikir Menuju Ilāhi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.

kepada empat bahagian. Bahagian pertama disebut mengenai kajian kitab *Diyā' al-Murīd*, sejarah ringkas penyebaran tarekat *Syattāriyyah* di Asia Tenggara seterusnya tentang biodata dan riwayat hidup ulamak Patani antaranya Syeikh Abdul Mubīn al-Jerīmī al-Fatani. Bahagian kedua transliterasi kitab *Diyā' al-Murīd* telah dilakukan oleh pengarang dengan lengkapnya tanpa mengubah gaya bahasa daripada pengarangnya yang asal. Pada bahagian ketiga, terdapat dua transliterasi. Pertamanya ialah petikan dari kitab *Kifāyah Khatam al-Qur'an* karya Syeikh Daud al-Fatani – petikan ini ialah mengenai pelbagai cara mengamalkan tarekat *Syattāriyyah* yang lengkap dengan salasilahnya.

- 3) *Wasiyat Abrār, Peringkat Akhyār Syeikh Daud al-Fatani*. Ditulis oleh Wan Mohd Shaghir B. Abdullah.<sup>12</sup> Buku ini pada asalnya ditulis dengan tulisan Jawi tetapi disalin oleh Wan Mohd Shaghir ke dalam tulisan Rumi. Penyalin menyalinnya tanpa merubah teks asalnya. Apa yang dilakukan oleh penyalin ialah menambah tanda-tanda bacaan seperti koma (,) dan membuang perkataan penghubung seperti perkataan “dan” supaya memudahkan pembacanya. Di akhir buku ini terdapat dua lampiran yang disertakan oleh penyalin. Lampiran pertamanya ialah manuskrip yang tersimpan di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor MS 589 manakala lampiran kedua manuskrip yang dimiliki oleh penyalin sendiri yang lengkap isi kandungannya. Secara umumnya buku ini membicarakan tentang ilmu tasawuf dan kebanyakan memfokuskan kepada doa-doa sama ada doa sebelum makan dan selepasnya, doa berjumpa dengan orang, doa hendak memakai pakaian yang baru dan sebagainya. Paling istimewa pengarang menyebut wirid-wirid dan doa-doa yang dibaca oleh Rasulullah SAW.

---

<sup>12</sup> Wan Mohd Shaghir bin Abdullah (1990), *Wasiyat Abrār, Peringkat Akhyār Syeikh Daud al-Fatānī*. Shah Alam: Hizbi

- 4) Syeikh Daud al-Fatani oleh Ismail Che Daud yang memuatkan dalam bukunya *“Tokoh-tokoh Ulamak Semenanjung”*.<sup>13</sup> Buku ini memuatkan sejumlah ulamak-ulamak Melayu dari pelbagai generasi dan bidang. Pengarang buku ini menfokuskan kepada latar belakang dan sejarah hidup tokoh-tokoh ulamak Melayu serta hasil-hasil karya mereka. Huraian setiap tokoh dihurai secara ringkas dan tidak menyeluruh.
- 5) *Syeikh Daud al-Fatani: Satu Analisis Peranan dan Sumbangannya Terhadap Islam di Nusantara*, ditulis oleh Engku Ibrahim b.Ismail.<sup>14</sup> Buku ini memberi gambaran secara umum bahawa Syeikh Daud adalah seorang tokoh ulamak yang masyhur di Asia Tenggara kerana penulisannya di pelbagai bentuk disiplin ilmu. Ia memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh Syeikh Daud secara menyeluruh dalam usaha beliau menyebarkan ilmu di rantau ini. Seterusnya ia membicarakan tentang sejarah hubungan Patani dengan negara-negara yang lain seperti Kelantan, Timur Tengah dan ia juga membicarakan sedikit tentang sejarah hidup Syeikh Daud serta penganalisaan peranan dan pemikiran Syeikh Daud melalui karya-karyanya. Berdasarkan kepada karya-karyanya dapat dijadikan sebagai bukti bahawa beliau dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku di zamannya.
- 6) *Pondok dan Madrasah di Patani*, ditulis oleh Hasan Madmarn.<sup>15</sup> Buku ini membicarakan tentang latar belakang sejarah Patani. Secara umumnya ia mengutarakan tentang struktur dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pendok-pondok dan madrasah-madrasah di Patani. Di samping itu, pengarang menyebut

---

<sup>13</sup> Ismail Che Daud (1988), *Tokoh-tokoh Ulamak Semenanjung Melayu*, j.1. Kota Baharu: Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 3.

<sup>14</sup> Engku Ibrahim bin Ismail (1992), *Syeikh Daud al-Fatānī: Sat u Analisis Peranan dan Sumbangannya Terhadap Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

<sup>15</sup> Hasan Madmarn (2001), *Pondok dan Madrasah di Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

tentang peranan yang dimainkan oleh para ulamak Patani dalam menyebarkan Islam. Di antaranya ialah Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani, Syeikh Ahmad al-Fatani, Tok Semela dan Haji Ismail bin Haji Wan Ahmad.

- 7) *Ulamak Besar Dari Patani*, ditulis oleh Ahmad Fathy al-Fatani.<sup>16</sup> Buku ini membicarakan tentang biodata ulamak-ulamak Melayu khususnya ulamak-ulamak dari Patani termasuklah Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani. Ia banyak mengenengahkan latar belakang ulamak Patani, namun huraian setiap tokoh ulamak tidak terperinci.

Di antara penulisan atau karya-karya Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani adalah seperti berikut:

- 1) “*Tahqīq Kitāb al-Nikāh dari kitab al-Jawāhir al-Saniyyah*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, ditulis oleh Zulkifli bin Mohammad.<sup>17</sup> Dalam kajian ini penulis menggunakan metode analisis terhadap tajuk kitab al-Nikāh iaitu penulis mentahqiq nas yang terdapat dalam tajuk ini. Seterusnya penulis menjelaskan perkataan-perkataan lama supaya pembaca dapat memahami teks asal dengan jelas. Namun kajian tersebut terbatas pada satu bahagian sahaja iaitu bahagian perkahwinan manakala bahagian-bahagian yang lain tidak dikaji oleh penulis.
- 2) “*Tahqīq Kitāb Ghāyah al-Marām*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, ditulis oleh Nawi bin Mamat.<sup>18</sup> Disertasi ini membicarakan tentang Haji dan Umrah. Kajian yang dilakukan ini adalah secara menyeluruh tentang kitab

---

<sup>16</sup> Ahmad Fathy al-Faṭānī (2002), *Ulamak Besar Dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>17</sup> Zulkifli bin Mohammad (1991), *Tahqīq Kitāb al-Nikāh dari kitab al-Jawāhir al-Saniyyah*, karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>18</sup> Nawi bin Mamat (2002), “*Tahqīq Kitāb Munyah al-Muṣallī*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Disertasi Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

*Ghāyah al-Marām*. Isi kandungannya mengenai Haji dan Umrah secara terperinci serta beliau menyebut tentang pemikiran Syeikh Daud mengenai Haji dan Umrah. Kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada para sarjana dan kepada sesiapa yang ingin mengkaji dan memahami tentang ibadat Haji dan Umrah.

- 3) “*Tahqīq Kitāb Munyah al-Muṣallī*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, ditulis Marwazi bin Dziyauddin.<sup>19</sup> Disertasi ini merupakan satu disertasi yang membicarakan tentang bab sembahyang dan perkara yang berkaitan dengannya. Kajian ini membicarakan keseluruhan kitab *Munyah al-Muṣallī* tetapi beliau tidak menyebut dalam disertasinya bahagian akhir kitab *Munyah al-Muṣallī* iaitu satu tajuk “*Tatmīn al-Fā'idah*” yang membicarakan tentang pemerintah yang ‘adil dan pemerintah yang zalim. Ini disebabkan tajuk tersebut tidak ada kaitan dengan bab sembahyang. Di samping itu penulis juga memberi tanda bacaan seperti koma, noktah dan sebagainya agar ianya lebih mudah difahami. Dari segi analisis isi kandungan, beliau menghuraikan perkataan-perkataan yang sukar difahami, menjelaskan sumber asal dari ḥadith-ḥadith, doa-doa dan sebagainya.
- 4) “*Kitāb Sullam al-Mubtadī Fī Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī: Tahqīq dan Analisis*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, ditulis Rormuelee Lengsueni.<sup>20</sup> Disertasi ini merupakan satu kajian teks bagi keseluruhan kitab *Kitāb Sullam al-Mubtadī Fī Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī* yang merupakan sebuah karya kecil tetapi merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang berkaitan dengan kelakuan amali seseorang sama ada dalam bentuk kata-kata atau perbuatan dan aspek yang berkaitan dengan akhlak iaitu sifat peribadi sebagai seorang manusia. Kitab *Sullam al-Mubtadī* dimulakan dengan ilmu Akidah kemudian disusuli

---

<sup>19</sup> Marwazi bin Dziyauddin (2005), “*Tahqīq Kitāb Munyah al-Muṣallī*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Disertasi Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

<sup>20</sup> Rormuelee Lengsueni (2010), “*Kitāb Sullam al-Mubtadī Fī Ma'rifah Ṭarīqah al-Muhtadī: Tahqīq dan Analisis*” karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Disertasi Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

dengan ilmu Fiqh dan diakhiri dengan ilmu Tasawuf. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kepada tulisan Rumi. Dalam kajian ini penulis hanya memfokuskan tentang persoalan-persoalan yang ada di dalam kitab *Sullam al-Mubtadī* sahaja iaitu persoalan Ibadat, Muamalat, Jinayat dan sebagainya kerana kitab tersebut kebanyakannya membicarakan asas bagi setiap persoalan itu. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dan metode penganalisan data.

- 5) “*Kitāb Furū’ al-Masā il wa Uṣūl al-Wasāil* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani disusun semula oleh Datuk Abu Hasan Dīn al-Hafiz.<sup>21</sup> Karya ini merupakan sebuah karya terjemahan dalam bentuk soal jawab menyentuh soal-soal syariat yang merangkumi aspek-aspek ibadat, munākahāt,<sup>22</sup> mu’āmālat dan jinayat. Pengarang telah menyusun semula kitab ini ke dalam tulisan Bahasa Moden agar ianya dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat berbanding kitab asalnya yang menggunakan tulisan Jawi lama yang hanya difahami segelintir orang tertentu sahaja. *Kitāb Furū’ al-Masā il wa Uṣūl al-Wasāil* ini diterjemahkan daripada dua buah kitab asal berbahasa Arab, iaitu *Fatwa Syams al-Millah wa al-Dīn ‘Umdah al-Fuqahā’ wa al-Muḥaqqiqīn* karangan al-Syeikh al-‘Allāmah Muhammad Ramli al-Kabīr dan sebuah lagi kitab asal berbahasa Arab yang berjudul *Khasf al-Lithām ‘an Aṣīlahal-Anām* karangan al-‘Allāmah al-Muḥaqqiq Minal Mutaakhirīn al-Syeikh Husain bin Muhammad al-Mahallī. Kedua-dua kitab ini diterjemahkan dan disusun dalam kitab yang diberi judul baru iaitu *Furū’ al-Masā il*.

---

<sup>21</sup> Abu Hasan Dīn al-Hafiz (2010), *Furū’ al-MasāilwaUṣūl al-Wasāil*, karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd

<sup>22</sup> Yakni hukum fikah berkenaan perkahwinan seperti pernikahan, perceraian, kewajiban suami isteri.

Walaupun penulis menggunakan sebahagian buku-buku tersebut sebagai rujukan khususnya di dalam memaparkan riwayat hidup Syeikh Daud, namun kajian yang dijalankan oleh penulis adalah berlainan dengan gaya penulisan mereka kerana dalam kajian ini penulis telah menumpukan kepada bidang kajian teks karya tersebut iaitu konsep perkahwinan. Berdasarkan beberapa pengkajian yang lalu, dapat dikatakan bahawa suatu usaha yang baik dan masih perlu diperkembangkan lagi dalam memahami konsep perkahwinan menurut Syeikh Daud. Oleh itu masih ada ruang bagi penulis untuk memilih tajuk kajian ini iaitu kitab *Īdāh al-Albāb Li Murid al-Nikāh bi al-Ṣawāb* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ini kerana ia adalah kitab yang sangat popular di kalangan para pelajar pondok di Patani dan di beberapa pondok di Kelantan ini terutamanya di pondok Pasir Tumbuh.<sup>23</sup> Kitab ini banyak digunakan sebagai pengajian asas terutamanya dalam topik ibadat (*fiqh munakaḥāt*) di Asia Tenggara.<sup>24</sup> Namun tidak terdapat satu buku yang khusus membicarakan tentang kitab *Īdāh al-Albāb Li Murid al-Nikāh bi al-Ṣawāb* ditulis dan diterbitkan. Cuma yang ada, penyalinan semula manuskrip ini yang menggunakan khat *traditional Arabic*, dicetak oleh Matbā'ah Ibn Halabi, Fatani, Thailand.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah satu kajian teks berdasarkan buku yang dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Fatani pada kurun 18 Hijrah. Kajian ini dibuat dalam bentuk kajian teks dengan tujuan untuk menjadikan sesebuah teks itu boleh difahami dengan tepat supaya boleh dijadikan bahan rujukan.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Temubual dengan Ustaz Syirazi bin 'Atiqullah, seorang tenaga pengajar pondok Pasir Tumbuh pada hari Jumaat di pondok tersebut.

<sup>24</sup> Wan Mohd Shaghīr (1990), *op.cit.*, h.32

<sup>25</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Kajian: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 40.



Memandangkan kajian ini bercirikan perpustakaan atau *library research*, maka metodologi yang akan digunakan dalam seluruh kajian ini berasaskan kepada metodologi yang sesuai dengan jenis kajian ini. Dalam proses pengumpulan data, penulis akan bergantung hampir sepenuhnya kepada metode dokumentasi. Dokumentasi dokumen khususnya bagi mendapat fakta-fakta tepat tentang hal-hal yang berkaitan biografi Syeikh Daud al-Fatani, kitab *Idāh al-Albāb* akan dijadikan rujukan utama dalam kajian ini.

#### **Pertama: Metode Penentuan Subjek.**

Dalam menentukan metode<sup>26</sup> ini, penulis telah memilih hasil penulisan Syeikh Daud iaitu kitab *Īdāh al-Albāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Berdasarkan kitab ini, penulis memberikan penumpuan kepada perbincangan konsep perkahwinan dengan meneliti metodologi yang digunakan oleh Syeikh Daud dalam penulisan beliau. Melalui hasil penulisan tersebut, penulis menyingkap kehebatan dan ketokohan Syeikh Daud sebagai subjek bagi kajian ini.

#### **Kedua: Metode Pengumpulan Data**

Untuk memperolehi maklumat bagi mengumpulkan data-data mengenai kajian ini, penulis menggunakan metode pengumpulan data<sup>27</sup> yang menjadi rutin bagi kajian perpustakaan iaitu:

---

<sup>26</sup> Metode pertama ini juga dikenali sebagai peringkat *Pemahaman Konsep Kajian* bagi sesuatu kajian yang akan dijalankan. Iaitu suatu kaedah bagi memastikan pemahaman ke atas bentuk kajian yang melibatkan pembacaan buku-buku, perbincangan atau penelitian ke atas isu-isu. Lihat Kamarudin Ngah & Roslin Md Akhir (1990), *Kaedah Kajian: Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h.10

<sup>27</sup> Data diertikan sebagai fakta, perkataan, surat, rajah, carta atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea dalam sesuatu kajian. Lihat Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Kajian Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 259

(a) Metode Historis

Metode Historis digunakan bagi meneliti dan menganalisis segala fakta yang didapati berunsurkan sejarah. Sebagai contoh, dalam kajian ini metode tersebut telah diaplikasikan oleh penulis semasa membentang sejarah hidup Syeikh Daud al-Fatani dan biografi tokoh-tokoh yang disebut oleh beliau di dalam karyanya. Melalui metode ini juga, penulis meneliti perkembangan sejarah penulisan kitab *Īdāh al-Albāb* yang ditulis pada awal kurun ke 18.

(b) Metode Dokumentasi

Metode ini dilakukan sebagai satu kaedah pengumpulan data untuk menilai dan meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian. Data-data yang dikumpulkan daripada sesuatu kajian merupakan bahan mentah yang tidak mempunyai nilai kecuali setelah diproses.<sup>28</sup> Ianya dipraktikkan dalam mengumpul dan mengamati manuskrip-manuskrip<sup>29</sup> yang dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Fatani. Bahan-bahan ini dikumpulkan, diselidiki dan dianalisa. Tujuan metode ini digunakan adalah untuk mengenal pasti bahawa kajian ini adalah bertepatan.

Di antara bahan yang menjadi rujukan utama penulis ialah al-Quran, buku-buku klasik dan terkini, jurnal, tesis atau disertasi dan bahan-bahan yang tidak diterbitkan yang lain sama ada dalam bahasa Arab, bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Berdasarkan bahan yang diterbitkan, penulis mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian seperti karya biografi tokoh dan penulisannya, kitab-kitab yang membincangkan mengenai konsep perkahwinan dan sebagainya.

---

<sup>28</sup> *Ibid.* h. 257.

<sup>29</sup> Manuskrip merupakan dokumen perseorangan atau rekod berkumpulan yang mempunyai nilai-nilai sejarah atau kesusasteraan atau yang berkaitan dengannya. Ianya mungkin ditulis dengan tangan atau ditaip dan ianya juga berkemungkinan sekali ditulis di atas kertas, daun atau tanah liat. Koleksi ini termasuk surat-surat peribadi seseorang, hikayat-hikayat lama atau undang-undang lama. Manuskrip Melayu ialah karya yang bertulis tangan dalam tulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal kurun ke-20. Ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang perkara seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan serta azimat dan petua. Lihat *Manuskrip Melayu Warisan Keilmuan Melayu*, Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Razak, 50572, Kuala Lumpur, h. 1

(c) Metode Perpustakaan

Pengkajian ini secara umumnya berasaskan kepada penyelidikan perpustakaan (*library reseach*), di mana ia banyak bergantung kepada penyelidikan dan pengkajian di perpustakaan. Metode perpustakaan adalah teknik di mana seorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>30</sup> Perpustakaan diakui umum sebagai prasarana utama bagi setiap penyelidik.<sup>31</sup> Oleh kerana kajian ini lebih kepada kajian perpustakaan (*library reseach*), maka penulis menggunakan metode ini untuk mendapat maklumat bagi semua bab-babnya. Sebagai contoh dalam bab satu, segala maklumat mengenai biografi Syeikh Daud al-Fatani dikumpul daripada sumber rujukan perpustakaan. Di antara perpustakaan yang menjadi rujukan utama ialah seperti berikut:

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ii. Perpustakaan APIUM, Kuala Lumpur.
- iii. Perpustakaan APIUM Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
- iv. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- v. Perpustakaan Peringatan Zaaba.
- vi. Perpustakaan Awam Negeri Kelantan.
- vii. Perpustakaan MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- viii. Perpustakaan al-Zahra, Kota Bharu, Kelantan.

Selain daripada perpustakaan-perpustakaan di atas, penulis juga menggunakan perpustakaan maya sebagai rujukan tambahan.

---

<sup>30</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41

<sup>31</sup> Winarno Surachmad (1970), *Pengantar Metodologi Ilmiah*, c. 5, Bandung: CV Tarsito, h. 238

**Ketiga: Metode Analisis Data.<sup>32</sup>**

Setelah bahan dokumen dikumpulkan, kesemua data yang diperolehi diteliti. Penulis turut melakukan penyusunan, penilaian, pengkategorian, perbandingan dan pemerhatian terhadap keseluruhan data yang diperolehi dalam menganalisis data.

Analisis dilakukan terhadap isi kandungannya, perbincangannya, pengaruh mazhab fiqh, rujukan asal dan memperjelaskan perkataan-perkataan yang sukar sama ada gharīb dan kalimah-kalimah bahasa Arab. Oleh kerana , bahasa yang diguna pakai dalam kitab ini adalah bahasa Melayu klasik dan gayanya terikat dengan gaya bahasa Arab, penulis akan memperbaharui bahasa Melayu tersebut kepada bahasa Melayu moden agar ianya mudah difahami.

Seterusnya penulis menyebut bioadata para ulamak dan *mentakhrijkan* ayat-ayat al-Qur'an, hadith-hadith yang tercatat dalam kandungan kitab dan doa-doa yang warid diberikan barisnya sudah mudah di baca oleh pembaca.

## **KESIMPULAN**

Satu pengharapan agar bab Pendahuluan ini dapat memberikan gambaran umum terhadap disertasi ini. Ianya dapat memastikan kajian ini dilakukan dengan lancar dan teratur. Diharapkan juga kajian ini telah dapat memenuhi semua objektif yang telah dibentangkan.

---

<sup>32</sup> Analisis data merupakan aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna dari bahan mentah. Ia melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih dan menjadualkan bahan yang diperolehi. Lihat Mohd Majid Konting (1990), *op.cit.*, h.309.